

BAB 5

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Kajian ini dibuat untuk meninjau sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran metakognitif dalam bacaan dengan kefahaman bacaan dan metapemahaman di kalangan subjek kajian. Ia dibuat berdasar kepada pengetahuan sedia ada dan kebolehan subjek kajian memahami dan memantau kefahaman menggunakan teks ekspositori dan mengikut jenis soalan yang dikemukakan. Secara lebih jelas, kajian ini dilakukan tanpa sebarang penglibatan pengajaran atau latihan daripada pengkaji. Perbincangan tentang dapatan kajian dan keputusan analisis data dibuat mengikut soalan-soalan kajian.

5.1 Perbincangan tentang dapatan kajian mengikut soalan-soalan kajian

5.1.1 Hubungan Indeks Kesedaran Bacaan dengan jantina

Analisis jadual silang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10 telah menunjukkan keputusan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Indeks Kesedaran Bacaan dengan faktor jantina. Keputusan ini selaras dengan dapatan kajian McLain et.al. (1991) yang mendapati tidak terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi min markah dalam Indeks Kesedaran Bacaan. Keputusan ini menyarankan bahawa tidak terdapat kaitan antara tahap kesedaran bacaan dengan jantina subjek. Kajian Mohamad

Haron (1993) yang turut mengkaji faktor jantina dalam kefahaman dan pemantauan pemahaman, mendapati tiada perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan dari segi prestasi pencapaian dalam kefahaman dan pemantauan pemahaman. Kajian Wahida Abdul Wahid (1996) pula mendapati tiada kaitan antara faktor jantina dengan tahap pemantauan. Secara keseluruhan bolehlah dibuat kesimpulan bahawa faktor jantina didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesedaran metakognitif dalam bacaan dan kefahaman.

5.1.2 Hubungan Indeks Kesedaran Bacaan dengan minat membaca teks jenis ekspositori.

Dalam Jadual 11, ditunjukkan keputusan analisis jadual silang antara Indeks Kesedaran Bacaan dengan minat membaca teks jenis ekspositori di kalangan subjek kajian. Keputusan analisis menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran bacaan dengan faktor minat. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Myers dan Paris (1978) yang mengatakan walaupun pelajar sedar peranan faktor minat terhadap bacaan dan kefahaman yang berkesan, tetapi pelajar tidak menggunakan faktor ini secara berkesan untuk membantu bacaan dan kefahaman. Ini bermakna faktor sama ada sangat minat atau kurang minat dalam bacaan, tidak mempunyai kaitan dengan kesedaran dalam bacaan.

5.1.3 Hubungan Indeks Kesedaran Bacaan dengan pencapaian Bahasa

Malaysia.

Keputusan analisis hubungan Indeks Kesedaran Bacaan dengan pencapaian Bahasa Malaysia seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 12, mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-duanya. Dapatan kajian ini berbeza sedikit dengan dapatan kajian Mohamad Haron (1993) yang turut mengkaji hubungan antara kesedaran pemahaman dengan pencapaian Bahasa Malaysia. Beliau mendapati ada hubungan yang signifikan antara kesedaran pemahaman dengan pencapaian Bahasa Malaysia. Namun, perbezaan ini mungkin disebabkan cara pengukuran kesedaran bacaan yang berbeza. Kajian Mohamad menggunakan kesedaran pemahaman melalui keyakinan jawapan dalam ujian klotz sementara kajian ini menggunakan kesedaran metakognitif dalam strategi bacaan secara keseluruhan. Kesimpulan yang dapat dibuat tentang dapatan dalam kajian ini ialah tahap kesedaran bacaan subjek didapati tidak mempunyai kaitan yang signifikan dengan pencapaian Bahasa Malaysia dalam peperiksaan di sekolah. Ini mungkin dapat dijelaskan kerana pencapaian dalam Bahasa Malaysia dalam peperiksaan adalah merupakan gabungan markah dua bahagian iaitu markah penulisan karangan dan markah soalan objektif yang meliputi kefahaman dan tatabahasa.

5.1.4 Hubungan Indeks Kesedaran Bacaan dengan kefahaman

Keputusan analisis jadual silang antara Indeks Kesedaran Bacaan dengan kefahaman seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13 mendapati terdapat hubungan yang signifikan pada paras $P < 0.001$. Ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran bacaan subjek ada mempunyai kaitan yang signifikan dengan prestasi markah dalam ujian kefahaman. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang telah dibuat oleh McLain et.al (1991); Paris, Cross, dan Lipson (1984); Paris dan Jacobs (1984). Kesedaran dalam bacaan yang merupakan sebahagian daripada aktiviti dalam pemantauan pemahaman, membolehkan pembaca memproses kefahaman dengan lebih baik, dan seterusnya menghasilkan prestasi kefahaman yang lebih baik. Ini telah ditunjukkan dalam dapatan kajian Ranjit Singh (1995). Dapatan kajian ini menyokong pandangan yang mengatakan kesedaran metakognitif dalam bacaan boleh membantu meningkatkan kefahaman seperti yang dikemukakan oleh Abromitis (1994), Baker dan Brown (1984), Brown (1985), Dole et.al. (1991), Standiford (1984), Wade (1989) dan Wray (1994).

5.1.5 Hubungan Indeks Kesedaran Bacaan dengan metapemahaman

Jadual 14 memberikan keputusan analisis jadual silang antara Indeks Kesedaran Bacaan dengan metapemahaman. Keputusan analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada paras $P < 0.001$ antara kedua-dua variabel ini. Ini menunjukkan kesedaran bacaan mempunyai kaitan dengan prestasi metapemahaman. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian yang

telah dibuat oleh Mohamad Haron (1993) yang mendapati kesedaran pemahaman mempunyai kaitan yang signifikan dengan prestasi kefahaman. Penyelidik-penyelidik seperti Armbruster et.al. (1983), Abromitis (1994), Baker dan Brown (1984), Flavell (1981), Standiford (1984) dan Wade (1989) menyatakan bahawa pembaca yang mempunyai kesedaran metakognitif yang baik dalam bacaan, menilai perkembangan kefahaman semasa membaca menyebabkan mereka lebih sedar sama ada mereka mencapai matlamat membaca atau tidak. Apabila mereka menyedari kefahaman mereka terjejas, mereka menggunakan pelbagai strategi yang diketahui untuk mengatasi masalah berkenaan dan seterusnya membina kefahaman dengan berkesan, sesuai dengan keperluan tugas pembacaan yang dihadapi. Dapatan ini mengukuhkan lagi dapatan pandangan yang menyatakan kesedaran bacaan dapat meningkatkan kefahaman seperti yang dihuraikan dalam analisis dan perbincangan dalam soalan sebelum ini (5.1.4).

5.1.6 Perbezaan dalam prestasi kefahaman mengikut kumpulan peringkat Tinggi, Sederhana dan Rendah dalam Indeks Kesedaran Bacaan.

Keputusan analisis varian satu hala yang ditunjukkan dalam Jadual 15, memberikan keputusan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada paras $P < 0.001$. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan dari segi min markah kefahaman antara kumpulan yang Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Tinggi, kumpulan Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Sederhana dan kumpulan Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Rendah. Perbezaan antara ketiga-tiga kumpulan ini adalah signifikan pada paras $P < 0.05$. Namun tidak terdapat perbezaan yang

signifikan antara kumpulan Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Sederhana dan kumpulan Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Tinggi. Ini dapat dimaklumi kerana perbezaan dari segi min markah kefahaman antara kedua-dua kumpulan ini sangat kecil iaitu hanya 0.50 sahaja. Keputusan ini menunjukkan bahawa min markah pencapaian dalam kefahaman adalah berbeza mengikut kumpulan peringkat Indeks Kesedaran Bacaan. Secara keseluruhan, ini bermakna pelajar yang mempunyai kesedaran bacaan yang tinggi dan sederhana, berbeza dari segi pencapaian dalam min markah kefahaman dengan pelajar yang mempunyai kesedaran bacaan yang rendah. Ini mengukuhkan lagi pandangan yang diberi oleh Abromitis (1994), Baker dan Brown (1984), Wade (1989), dan Wagoner (1983) yang mengatakan kesedaran bacaan mempunyai kaitan dengan pencapaian dalam kefahaman.

5.1.7 Perbezaan metapemahaman mengikut kumpulan peringkat Tinggi, Sederhana, dan Rendah dalam Indeks Kesedaran Bacaan

Keputusan analisis varian satu hala yang ditunjukkan dalam Jadual 16, memberikan keputusan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada paras $P < 0.01$ antara kumpulan mengikut peringkat dalam Indeks Kesedaran Bacaan. Ini bermakna min markah metapemahaman antara kumpulan Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Tinggi, Sederhana, dan Rendah adalah berbeza secara signifikan pada paras $P < 0.05$. Namun kumpulan Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Tinggi dan Sederhana didapati tidak berbeza secara signifikan. Ini disebabkan perbezaan dari segi min markah metapemahaman antara kumpulan

Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Tinggi dan Sederhana adalah kecil iaitu 1.10 sahaja. Keputusan ini menunjukkan terdapat perbezaan dari segi prestasi pencapaian dalam metapemahaman antara kumpulan mengikut peringkat dalam Indeks Kesedaran Bacaan. Keputusan yang ditunjukkan ini jelas mengukuhkan lagi keputusan yang didapati dalam analisis dan perbincangan sebelum ini yang menunjukkan bahawa min markah kefahaman adalah berbeza antara kumpulan mengikut kesedaran bacaan yang tinggi, sederhana dan rendah. Ini memberi saranan kepada pendidik bahawa kesedaran bacaan mempunyai kaitan yang signifikan dengan pencapaian dalam kefahaman dan juga metapemahaman.

5.1.8 Korelasi Indeks Kesedaran Bacaan dengan kefahaman

Jadual 17 menunjukkan keputusan analisis korelasi Pearson $r = .316$ dan ia signifikan pada paras $P < 0.01$. Keputusan ini selaras dengan dapatan kajian yang dibuat oleh McLain et.al, (1991) yang mendapat $r = .340$. Ini menunjukkan bahawa Indeks Kesedaran Bacaan mempunyai korelasi pada tahap sederhana dengan prestasi kefahaman. Keputusan ini menunjukkan bahawa kedudukan subjek mengikut peringkat dalam Indeks Kesedaran bacaan boleh dijadikan panduan secara umum (bukan secara tepat) untuk meramalkan pencapaian dalam kefahaman. Panduan atau ramalan boleh dibuat secara umum atau gambaran kasar sahaja kerana korelasi antara Indeks Kesedaran Bacaan adalah pada paras sederhana sahaja. Keadaan ini mungkin disebabkan berlaku keadaan yang bercanggah antara pengetahuan dengan kecekapan membentuk kefahaman. Nisbet

dan Shucksmith (1988) ada menerangkan secara jelas mengapa berlaku keadaan ini.

'There is often a gross mismatch between cognition and metacognition, i.e between the amount people know about their own cognition and their demonstrated use of that knowledge. Nowhere is this more true than amongst children (hlm.40).

Brown (1977) dipetik dalam Nisbet (1988) dan Flavell (1981), menyatakan fenomena ini sebagai 'production deficiency'. Brown menjelaskan bahawa kelemahan dalam menghasilkan kefahaman ini disebabkan pengetahuan metakognitif pelajar berkembang lebih cepat atau mendahului kebolehan menggunakan pengetahuan itu secara spontan. Ini bermakna walaupun pelajar mengetahui strategi bacaan dan mempunyai kesedaran, tetapi terdapat masalah dari segi kecekapan menggunakan dengan berkesan. Keadaan ini telah dijelaskan juga oleh Nickerson et.al (1985) dan Paris, Cross, dan Lipson (1984) yang mengatakan pengetahuan tentang strategi dan prosedur menggunakan strategi sahaja adalah tidak mencukupi. Yang penting ialah kebolehan secara spontan menggunakan strategi yang berkesan untuk mengatasi halangan itu pada masa dan mengikut tujuan yang tepat. Standiford (1984) juga menjelaskan terdapat pelajar yang mempunyai metapemahaman yang tinggi tetapi mencapai prestasi kefahaman yang rendah. Pelajar dalam kumpulan ini sedar mereka mempunyai pengetahuan strategi bacaan yang baik namun mereka tidak dapat menentukan atau menilai kefahaman dengan jelas. Inilah perkara yang perlu juga diberi perhatian dan pertimbangan oleh para pendidik apabila cuba menghubungkan kesedaran bacaan dengan prestasi kefahaman dalam pengajaran mereka.

5.1.9 Korelasi Indeks Kesedaran Bacaan dengan keyakinan jawapan dalam ujian kefahaman

Keputusan analisis korelasi yang ditunjukkan dalam Jadual 18, menunjukkan $r = .222$ dan ia signifikan pada paras $P < 0.01$. Keputusan ini menunjukkan korelasi adalah pada paras agak rendah. Ini bermakna Indeks Kesedaran Bacaan boleh dijadikan panduan secara umum untuk meramal prestasi keyakinan jawapan dalam kefahaman. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Forrest dan Waller (1979) yang dipetik dalam Baker dan Brown (1984), Mohamad Haron (1993), dan Myers dan Paris (1978). Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tidak memantau kefahaman mereka dengan tepat seperti yang dinyatakan oleh Wade (1989) dan Baker (1985). Standiford (1984) juga telah menjelaskan dengan terperinci keadaan ini dengan mengatakan ada pelajar yang tidak tahu mereka faham atau tidak tahu yang mereka tidak faham. Ini bermakna terdapat unsur meneka atau menjawab tanpa berfikir dengan mendalam. Baker (1985) juga telah menegaskan bahawa ramai pelajar tidak memantau kefahaman mereka. Inilah punca yang menyebabkan prestasi dalam kefahaman kurang baik.

5.1.10 Korelasi Indeks Kesedaran Bacaan dengan metapemahaman

Dalam Jadual 19 ditunjukkan keputusan analisis korelasi antara Indeks Kesedaran Bacaan dengan prestasi metapemahaman. Keputusan analisis menunjukkan terdapat korelasi pada paras yang agak sederhana dan signifikan pada paras $P < 0.01$. Keputusan ini menyokong keputusan dalam analisis korelasi antara kesedaran bacaan dengan kefahaman yang dibincangkan sebelum ini. Keputusan ini menjelaskan lagi bahawa pelajar yang mempunyai kesedaran bacaan peringkat Rendah mempunyai masalah kurang mahir atau kurang cekap dalam membuat pemantauan pemahaman. Mereka tidak dapat menilai dengan tepat kefahaman mereka. Kelemahan dalam menilai kefahaman bermakna kelemahan dalam membuat pemantauan dan ini bermakna menjejaskan prestasi kefahaman. Nisbet dan Schucksmith (1988) menjelaskan kebolehan pemantauan pemahaman yang lemah ini berpunca daripada kelemahan dalam kesedaran yang seterusnya menyebabkan mereka gagal menggerakkan penggunaan pengetahuan dan strategi untuk beroperasi dengan baik. Ada kemungkinan juga berlaku keadaan, ada pelajar yang sedar ada perkara yang menjejaskan kefahaman tetapi tidak bertindak mengatasi halangan tersebut, ataupun mereka dapat mengatasi halangan yang dihadapi tetapi tidak secara berkesan, dan ini mengakibatkan kefahaman tidak terbentuk dengan baik. Kelemahan dalam menghasilkan kefahaman ini dikatakan berpunca daripada kurang pengalaman dan pengetahuan dalam menghadapi tugas menyelesaikan masalah bacaan dan kefahaman. Keadaan ini mungkin disebabkan faktor usia atau kurang pengetahuan dan pengalaman. Kekurangan pengetahuan dan pengalaman ini dapat diatasi melalui pengajaran,

latihan dan memperbanyakkan pengalaman menggunakan strategi bacaan secara intensif (Nisbet dan Shucksmith, 1988).

5.2 Kesimpulan

Daripada perbincangan yang dibuat dapatlah dibuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kesedaran bacaan dengan kefahaman dan metapemahaman. Ini telah ditunjukkan dalam keputusan analisis jadual silang dan korelasi antara Indeks Kesedaran Bacaan dengan kefahaman dan metapemahaman. Selain itu, apabila dibandingkan markah kefahaman dan metapemahaman mengikut kumpulan peringkat Tinggi, Sederhana, dan Rendah dalam Indeks Kesedaran Bacaan, melalui analisis varian satu hala, didapati min markah kefahaman dan metapemahaman pelajar mengikut kumpulan tersebut adalah berbeza secara signifikan. Hanya kumpulan Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Sederhana dan kumpulan Indeks Kesedaran Bacaan peringkat Tinggi sahaja yang tidak berbeza secara signifikan. Selain itu, dapatan kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara Indeks Kesedaran Bacaan dengan faktor jantina, minat membaca teks ekspositori, dan pencapaian Bahasa Malaysia dalam peperiksaan di sekolah.

Dapatan kajian ini menyarankan bahawa kesedaran bacaan ada mempunyai hubungan yang signifikan dengan kefahaman dan metapemahaman di kalangan para pelajar yang menjadi subjek kajian. Ini mengukuhkan pendapat dan dapatan kajian yang mengatakan kesedaran bacaan mempunyai kaitan dengan prestasi kefahaman dan metapemahaman pelajar seperti yang dinyatakan oleh

Abromitis (1994), Baker dan Brown (1984), Brown (1985), Flavell (1981), Nisbet dan Shucksmith (1988), Nickerson et.al (1985), Standiford (1984), Wade (1989), Wagoner (1983) dan Wray (1994).

5.3 Implikasi pedagogi

Kajian ini mempunyai implikasi pedagogi kepada para guru di sekolah khususnya dalam pengajaran bacaan dan kefahaman. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ada kaitan antara kesedaran bacaan dengan kefahaman dan penantauan pemahaman. Mengikut Nisbet dan Schucksmith (1988) dan Flavell (1981), keadaan yang terdapat di kalangan pelajar kini adalah kerana terdapatnya jurang pemisahan antara penguasaan aspek pengetahuan dan aspek kecekapan pemahaman bacaan di kalangan pelajar. Oleh itu, untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan bacaan dan kefahaman di kalangan pelajar, jurang pemisahan antara pengetahuan dan kecekapan ini hendaklah dihapuskan. Penguasaan pengetahuan dan kecekapan menggunakan strategi dengan berkesan di kalangan pelajar hendaklah diseimbangkan.

Para guru perlu menjalankan pengajaran secara eksplisit untuk meningkatkan kesedaran metakognitif pelajar dalam bacaan dan kefahaman dan kemahiran menggunakan strategi mengatasi halangan dalam bacaan secara berterusan hingga pelajar mahir dan boleh menggunakan sendiri tanpa bantuan guru. Guru perlu meningkatkan kesedaran pelajar tentang peranan dan kepentingan mengetahui faktor-faktor seperti ciri-ciri teks, bentuk tugas, pelbagai strategi bacaan, dan ciri-ciri tentang diri pelajar sendiri dalam mempengaruhi

kejayaan aktiviti bacaan dan kefahaman. Namun meningkatkan kesedaran dan pengetahuan sahaja adalah tidak mencukupi. Selain itu, komponen penting dalam bacaan dan kefahaman yang tidak boleh diabaikan ialah meningkatkan kecekapan pemantauan pemahaman atau mekanisme kawalan sendiri. Kebolehan mengesan pengetahuan metakognitif pada masa yang tepat dan secara spontan menggunakan pengetahuan tersebut untuk tujuan yang sesuai adalah merupakan aspek yang perlu diberi tumpuan oleh guru. Ini telah dibuktikan melalui tinjauan dan dapatan kajian-kajian yang dilakukan oleh Abromitis (1994), Armbruster et.al. (1983), Baker dan Brown (1984), Collins (1994), Dole et.al (1991), Kuldip (1992), Muthusamy (1994), McNeil, (1987), Nickerson et.al. (1985), Paris, Cross, dan Lipson (1984), Paris dan Jacobs, (1984).

Brown (1985) menegaskan pendekatan yang terbaik membentuk pembaca yang berdikari ialah dengan membimbing mereka menguasai strategi-strategi untuk menghadapi teks secara berdikari. Pearson dan Camprell (1985) dipetik dalam Abromitis (1994) menyatakan,

...when we identify a variable that looks like it might make a difference in comprehension, we ought to adopt a frontal assault strategy when considering its instructional power...teach about it systematically and make certain students have a chance to practice it (hlm.22).

Dengan ini jelaslah bahawa pengajaran secara eksplisit dan terancang tentang pengetahuan metakognitif dan pemantauan pemahaman termasuk kesedaran, dapat membantu meningkatkan prestasi bacaan dan kefahaman pelajar. Kesedaran dan pemantauan pemahaman adalah dua komponen yang

saling berkait dan saling bergantung antara satu sama lain dalam mempengaruhi kejayaan aktiviti bacaan dan kefahaman. Oleh itu, kedua-dua komponen ini tidak boleh dipisahkan dalam pengajaran. Guru perlulah bijak merancang dan mengajar mengikut peringkat, kebolehan, dan keperluan pelajar mengikut objektif dan tugas dalam sesuatu pelajaran.

5.4 Cadangan Kajian Lanjut

Aspek kesedaran bacaan merupakan satu daripada aktiviti pemantauan pemahaman dalam kefahaman bacaan. Ia merupakan salah satu aspek yang diperlukan dalam menentukan kejayaan aktiviti pembacaan. Cara pengukuran yang objektif dan tepat perlu dilakukan untuk mengesan dengan tepat. Selain itu, proses pengukuran juga perlu dipermudahkan supaya guru-guru dapat menggunakan alat pengukuran ini dengan mudah dan seterusnya menggunakan dapatan tersebut bagi mengesan fenomena keadaan kesedaran bacaan di kalangan pelajar. Dengan maklumat yang jelas dan tepat daripada pelajar, memudahkan guru memahami masalah atau kelemahan pelajar dalam membentuk kefahaman. Kesan yang lebih penting ialah, para guru juga dapat merancang pengajaran dengan cara yang lebih bertepatan dengan bentuk masalah yang dihadapi. Oleh itu, dicadangkan agar kajian tentang kesedaran bacaan dan kaitan dengan kefahaman dilakukan dengan lebih meluas dan mendalam untuk mengukuhkan lagi kefahaman tentang persoalan kajian ini. Alat untuk mengukur kesedaran bacaan dan prestasi kefahaman perlu ditambah supaya dapatan yang lebih konkrit dan menyeluruh tentang tahap dan peranan kedua-dua bidang ini diperolehi.

Selain itu, kajian seperti ini perlu dijalankan di kalangan pelajar daripada beberapa buah sekolah supaya gambaran dan dapatan yang lebih jelas tentang persoalan kajian ini dapat dikukuhkan dengan lebih baik mengikut konteks dan kandungan pelajaran Bahasa Malaysia.

5.5 Penutup

Kemahiran metakognitif dalam bacaan dan kefahaman adalah sangat penting kerana dapatan pelbagai kajian telah membuktikan ia dapat membantu meningkatkan prestasi kefahaman di kalangan pelajar. Kemahiran metakognitif melibatkan penguasaan pengetahuan metakognitif dan kebolehan pemantauan pemahaman. Pelajar yang mempunyai pengetahuan dan kecekapan dalam kemahiran metakognitif, mempunyai kesedaran, dapat menilai dan mengawal kefahaman dengan lebih baik, seterusnya membina kefahaman yang lebih tepat dan berkesan. Mereka boleh menjadi pelajar yang aktif berinteraksi dengan teks, melibatkan diri dalam bacaan dan kefahaman, bermatlamat, dan berdikari dalam pembelajaran. Penguasaan kemahiran metakognitif menjadikan pelajar mempunyai pengetahuan tentang proses berfikir dan penggunaan strategi yang bermatlamat dalam bacaan dan kefahaman (Baker, 1985).

Kemahiran ini boleh dibentuk melalui pengajaran secara eksplisit dan terancang oleh para guru yang berkemahiran dalam pengajaran strategi metakognitif. Para guru perlulah menjalankan pengajaran yang dapat meningkatkan kesedaran metakognitif dalam bacaan dan kebolehan pemantauan pemahaman supaya prestasi kefahaman pelajar dalam bacaan dan kefahaman

dapat dipertingkatkan. Dengan ini, para pelajar akan mendapat kemahiran yang sangat berguna dalam aktiviti membina kefahaman melalui pembacaan dan ini dijangka akan membantu pembelajaran mereka secara keseluruhan. Keperluan terhadap penguasaan kemahiran ini sangat jelas bagi pelajar yang berada pada peringkat menengah rendah. Ini memandangkan mereka berada pada peringkat peralihan dalam cara pembelajaran dan tahap pengajian. Mereka perlu lebih berdiskusi dalam membaca dan belajar, menggunakan teks yang pelbagai struktur dan bidang, dan memerlukan kemahiran membaca dan berfikir pada peringkat yang lebih tinggi. Pembinaan kemahiran metakognitif dalam bacaan dan kefahaman yang baik pada peringkat ini, dapat membantu menyediakan pelajar dengan kemahiran pembelajaran yang lebih berkesan untuk digunakan dalam pengajian mereka pada peringkat yang lebih tinggi. Perubahan dalam pendekatan dan fokus pengajaran bacaan dan kefahaman perlu dilakukan sesuai dengan fokus pengajaran dan penyelidikan dalam pendidikan bacaan masa kini, yang lebih mementingkan pengajaran strategi dalam proses bacaan dan pandangan yang mengatakan bacaan adalah satu proses berfikir yang aktif.